



Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 28 Julai 2022

Nestlé Malaysia Catat Peningkatan Jualan & Keuntungan Kukuh Pada S2

Jualan domestik dan eksport terus meningkat

SOROTAN PENTING

- Perolehan melonjak sebanyak 18.8% kepada RM1.64 bilion pada S2 2022, disokong oleh jualan domestik dan eksport yang lebih tinggi.
- Kedua-dua bahagian Makanan dan Minuman (F&B) dan Di Luar Rumah (OOH) terus menunjukkan momentum kukuh, disokong oleh kelonggaran penuh sekatan perjalanan.
- Dividen interim bersih RM0.70 sesaham diisytiharkan.

PETALING JAYA, 28 Julai 2022 – Nestlé (Malaysia) Berhad meneruskan prestasi memberangsangkan dengan mencatatkan peningkatan jualan dan keuntungan yang kukuh bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2022. Dengan pemulihan ekonomi selepas COVID-19, prestasi ini dipacu oleh jualan domestik dan eksport yang kembali meningkat.

Penilaian Prestasi (Suku 2, 2022 berbanding Suku 2, 2021)

Perolehan bagi suku tahun yang dilaporkan mencecah RM1.64 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 18.8% berbanding RM1.38 bilion yang dicatatkan pada suku tahun yang sama tahun lepas. Prestasi ini dipacu oleh jualan domestik dan eksport yang masing-masing meningkat sebanyak 12.5% dan 48.1%. Saluran Di Luar Rumah kini sedang pulih setelah perintah kawalan pergerakan dan sekatan perjalanan dilonggarkan.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Dengan pelonggaran sekatan pergerakan, tahap penggunaan terus meningkat disokong oleh aktiviti menambah permintaan dan kecemerlangan dalam pelaksanaan operasi. Usaha ini membolehkan kami menunaikan janji untuk menawarkan 'Good Food, Good Life' kepada semua menerusi rangkaian produk kami yang luas, sambil mengukuhkan tahap komunikasi dan menggiatkan penglibatan kami dengan pengguna Malaysia melalui aktiviti digital dan acara yang berkaitan."

Bertekad untuk membekalkan produk yang memenuhi pilihan pengguna, Kumpulan telah melancarkan beberapa produk baru pada suku tahun yang dilaporkan. Bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam segmen berasaskan tumbuhan, Kumpulan telah melancarkan produk baru termasuk Nugget Berasaskan Tumbuhan HARVEST GOURMET dan juga kapsul kopi tanpa susu pertama di Malaysia, iaitu NESCAFÉ DOLCE GUSTO Almond Flat White dan Coconut Flat White. Inovasi lain

termasuk Tepung Susu Perisa Coklat Gelap NESTLÉ OMEGA PLUS, Aiskrim NESCAFÉ GOLD Cappuccino dan pelancaran rangkaian coklat premium di bawah NESTLÉ LES RECETTES DE L'ATELIER Chocolate.

Untung Sebelum Cukai dan Untung Selepas Cukai masing-masing meningkat kepada RM237.9 juta dan RM169.7 juta pada S2 2022. Angka ini dicapai menerusi jualan yang lebih kukuh dan perbelanjaan berkaitan COVID-19 yang lebih rendah berbanding suku tahun yang sama tahun lepas. Prestasi lebih baik ini dicatatkan walaupun menghadapi kesan harga komoditi lebih tinggi, kadar pertukaran yang kurang baik dan juga kesan Cukai Makmur terhadap Untung Selepas Cukai.

En. Aranols menambah, "Selain berusaha mengukuhkan prestasi kewangan, kami terus menggiatkan usaha kelestarian pada suku tahun yang dilaporkan. Kami telah mencapai kemajuan besar dalam usaha mengurangkan sisa plastik; kami telah meningkatkan penggunaan pembungkusan mesra alam, sekali gus menjadi syarikat makanan dan minuman pertama di Malaysia untuk menggunakan resin plastik kitar semula (rPET) bermutu tinggi bagi produk Sedia Diminum dalam pembungkusan botol plastik. Di samping itu, kami telah menghentikan penggunaan pembalut plastik sekali guna bagi produk MILO UHT 125ml kami, yang digantikan dengan kertas kitar semula 100% yang diperolehi secara lestari, dan sedang berusaha meluaskan inovasi ini untuk merangkumi rangkaian UHT yang lain."

Penilaian prestasi: Sehingga Tarikh Semasa 2022 berbanding Tarikh Sama 2021

Bagi separuh pertama berakhir 30 Jun 2022, Kumpulan mencatatkan perolehan berjumlah RM3.33 bilion, iaitu 17.8% lebih tinggi berbanding RM2.83 bilion yang dicatatkan bagi tempoh yang sama tahun lepas. Prestasi menggalakkan ini disokong oleh jualan domestik dan eksport, yang masing-masing meningkat sebanyak 13.7% dan 36.1%, berlandaskan pertumbuhan kukuh dalam kedua-dua perniagaan F&B teras dan OOH yang terus mencatatkan pemulihan seiring pelonggaran sekatan pergerakan.

"Prestasi lebih baik kami pada separuh pertama 2022 mencerminkan tahap pembelian pengguna yang memberangsangkan sejajar dengan tahap permintaan yang kukuh dan sokongan pemasaran berkesan, serta inovasi produk yang cemerlang dan penambahbaikan portfolio."

Kumpulan mencatatkan Untung Sebelum Cukai dan Untung Selepas Cukai lebih tinggi yang masing-masing berjumlah RM526.6 juta dan RM374.8 juta bagi separuh pertama 2022, iaitu peningkatan sebanyak 32.5% dan 21.0%. Prestasi ini dicapai menerusi jualan lebih tinggi dan perbelanjaan berkaitan COVID-19 lebih rendah, yang mengimbangi kesan kenaikan harga komoditi, kadar pertukaran kurang baik dan kesan Cukai Makmur terhadap untung selepas cukai.

Berikutan prestasi Kumpulan dan komitmennya untuk menjana nilai bagi pemegang saham, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen interim RM0.70 sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022, yang konsisten dengan dividen interim pertama 2021.

Tinjauan

Mengulas mengenai prospek bagi seluruh setahun, En. Aranols berkata, “Cabaran lebih besar bakal menanti pada separuh kedua tahun dilaporkan, dengan gangguan berterusan dalam rantai bekalan global dan kenaikan harga yang ketara bagi kebanyakan komoditi yang diperdagangkan secara global. Tambahan lagi, tahap inflasi yang lebih tinggi dan peperangan yang masih berlarutan di Ukraine akan terus memberi tekanan terhadap harga dan mungkin menjejaskan bekalan komoditi makanan yang penting. Susut nilai MYR berbanding USD terus meningkatkan lagi kemelut yang dihadapi.”

“Dalam suasana yang mencabar ini, kami terus memberi tumpuan terhadap mencapai pertumbuhan lestari bagi tempoh selanjutnya dalam tahun semasa. Meskipun menghadapi tekanan yang terus menghimpit keuntungan, kami akan terus menampung kesannya menerusi langkah penghematan kos dan pengurusan kecekapan dalaman yang lebih rapi.”

“Strategi pertumbuhan lestari akan disokong oleh langkah-langkah menggiatkan lagi usaha mencapai agenda ESG khusus kami. Ini termasuk meluaskan inisiatif Tanggungjawab Pengeluar Lanjutan (EPR) sukarela yang kami laksanakan, seperti Program Kutipan dan Kitar Semula. Kami dijangka mencapai sasaran mengumpulkan 6,000 tan pembungkusan pasca pengguna menjelang akhir 2022, termasuk 3,000 tan plastik. Kami akan terus menjana kesan sosioekonomi positif dengan menyantuni masyarakat yang memerlukan sebagai sebahagian daripada komitmen untuk mencapai masa depan lebih cerah bagi Malaysia,” rumus En. Aranols.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar
Nestlé (Malaysia) Berhad

Farah Iman atau Yasmin Kadir
acorn communications

Tel: (+603) 7965 6456
Bimbit: +6012-235 6865
E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.nestle.com

Tel: (+603) 7958 8348
Mobile: +6012-221 8216 (Farah) atau
+6017 237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my